

2 AHAD, 3HB SEPTEMBER, 2006

Tempatan

Abang jadi pengganti graduan UMS ambil ijazah

KOTA KINABALU: Impian seorang anak muda, Zurairi Abdul Wahab untuk menggenggam segulung ijazah sudah tercapai dengan berjaya menamatkan pengajiannya selama tiga tahun, tetapi beliau tidak dapat merasai detik kegembiraan itu apabila beliau lemas setelah terjatuh ke dalam sungai semasa menyeberangi jambatan keretapi di Kampung Mandahan, Papar, Jun lalu.

Abang Allahyarham, Aman Safari, 33, berkata, beliau merasa terharu menerima Ijazah Sarjana Muda Perniagaan (Pemasaran) dengan kepujian Kelas Dua (II) dari Universiti Malaysia Sabah (UMS) bagi pihak Zurairi, 23.

"Saya terharu, saya ingat tidak ada apa lagi, tapi sebab pihak UMS dua tiga kali jemput (keluarga untuk

menghadiri majlis konvokesyen itu)," katanya kepada pemberita di majlis konvokesyen ke-8 universiti itu di sini, pada Sabtu.

Aman berkata, Naib Canselor UMS sendiri, Prof Datuk Dr Mohd Noh Dalimin telah pergi menjemput bapanya di kediaman mereka di Kuala Nerang, Kedah untuk hadir mengambil ijazah Zurairi.

Bagaimanapun, katanya, bapanya tidak dapat hadir pada majlis itu kerana beliau tidak boleh berjalan akibat penyakit gaut yang dialaminya dan jika bapanya sihat mungkin agak sukar bagi orang tuanya itu untuk berbuat demikian kerana kesedihan yang masih dialaminya di atas pemergian Zurairi.

Zurairi, anak bongsu daripada enam orang beradik agak rapat dengan Aman



AMAN Safari mewakili adiknya menerima Ijazah daripada Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Musa Aman.

yang merupakan anak ketiga dan mereka berdua berada di Sabah, Allahyarham menuntut di UMS sementara Aman bertugas sebagai seorang guru di Sekolah Kebangsaan

Klias Baru, di Beaufort dan telah berkahwin dengan wanita tempatan dari Tuaran.

Walaupun keluarga mereka berasal dari Kedah, Sabah bukan merupakan

bumi asing bagi mereka enam beradik kerana bapa mereka bertugas sebagai seorang guru agama di Sabah sebelum pulang ke Kedah selepas bersara.

Pada kejadian itu, Aman berkata, Zurairi terjatuh ke dalam sungai itu semasa dalam perjalanan dari Beaufort ke Kota Kinabalu untuk bertemu rakannya.